



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
Accountant General's Department of Malaysia
NEGERI PAHANG

Tingkat 1, Wisma Persekutuan
25594 Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel : 09-591 5000
Faks : 09-516 4931
Laman Web : <https://pahang.anm.gov.my>

SURAT PERINGATAN

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-9/1 Jld 5 (14)

Tarikh : 27 Februari 2024

Ketua- Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Di Bawah Seliaan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pahang

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SENARAI PTJ YANG BELUM MENGEMUKAKAN LAPORAN PERAKAUNAN ASET
BUKAN KEWANGAN SUKUAN KEEMPAT (4) SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2023

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas dan emel dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Pahang, rujukan ANM.PHG.600/9/1 Jld.5 (01) bertarikh 19hb Januari 2024 adalah berkaitan.

2. **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 3 Tahun 2022** telah menggariskan peranan dan tanggungjawab PTJ mengenai penyelenggaraan laporan berkaitan Perakaunan Aset Bukan Kewangan bagi memastikan Aset Bukan Kewangan diperakaunkan dengan betul dan tepat dalam tempoh masa yang ditetapkan. **Garis Panduan Penyelenggaraan Laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan** adalah seperti pada **Lampiran B3, SPANM Bil. 3/2022**.

3. Walau bagaimanapun, semakan jabatan ini mendapati PTJ YBhg. Dato'/Tuan/Puan seperti di **Lampiran A** masih belum mengemukakan Laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan Sukuan Keempat kepada Pejabat Perakaunan mengikut tempoh yang ditetapkan. Pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan adalah diingatkan bahawa laporan tersebut hendaklah dikemukakan ke jabatan ini dengan **KADAR SEGERA** selewat-lewatnya pada **29hb Februari 2024 (Khamis)**.

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-9/1 Jld 5 (14)

Tarikh : 27 Februari 2024

4. Sekiranya gagal mematuhi arahan seperti di para 3, sila kemukakan **SURAT TUNJUK SEBAB** dan sesalinan diemelkan ke u_aset_phg@anm.gov.my. Kerjasama dan pemantauan berterusan pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah diharapkan bagi memastikan proses pengurusan aset adalah tepat dan benar.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



(FREDRICK GUPONG AK TAWAN (C.A.(M), ACMA, CGMA))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Pahang